

**Terma dan Syarat ("Terma")
Pembiayaan Peribadi-i HSBC Amanah ("Kemudahan")**

Sebagai Pemohon yang memohon bagi Kemudahan dengan HSBC Amanah Malaysia Berhad ("pihak Bank"), anda bersetuju untuk terikat dengan, dan menerima Terma di bawah.

1. PERMOHONAN

Anda bersetuju bahawa pihak Bank boleh menolak permohonan ini dan tidak perlu memberikan sebarang sebab atau alasan bagi keputusannya. Jika anda menarik balik permohonan pada bila-bila masa selepas dihantar (tetapi sebelum ia diluluskan atau ditolak), anda bertanggungjawab terhadap sebarang perbelanjaan guaman, caj dan bayaran yang ditanggung oleh Bank.

2. PERAKUAN PEMOHON

Anda memperakui yang berikut: • Anda bukan seorang bankrap belum dilepaskan • Anda tidak muflis • Tiada prosiding kebankrapan diambil terhadap anda yang belum selesai • Anda tidak akan menggunakan mana-mana bahagian Jumlah Kemudahan terhadap pembelian harta untuk dibanya/dicagarkan kepada Bank atau HSBC Bank • Tiada Peristiwa Keingkaran telah berlaku atau berterusan.

Pihak Bank bergantung kepada perakuan ini, tidak kira sama ada ia akan menjalankan sebarang pemeriksaan sendiri atau tidak, dalam memproses permohonan ini. Anda bersetuju bahawa jika mana-mana di atas adalah tidak benar: (a) Pihak Bank boleh meminta pembayaran serta-merta Harga Jualan Bank atau baki belum bayar daripadanya, dan (b) anda mesti membayar pampasan kepada Bank bagi sebarang kerugian.

3. PENGGUNAAN WANG

Pihak Bank tidak menetapkan syarat anda menggunakan Kemudahan bagi sebarang tujuan khusus dan anda bersetuju bahawa anda tidak akan menggunakan untuk tujuan yang bertentangan dengan prinsip Syariah.

4. KEMUDAHAN DIWUJUDKAN MENERUSI URUS NIAGA MURABAHAH

Apabila Pembayaran diluluskan, pihak Bank akan bertindak sebagai agen anda yang tunggal dan eksklusif untuk membeli dan menjual komoditi patuh Syariah bagi menyediakan anda dengan pembiayaan ini melalui urus niaga Komoditi Murabahah : Langkah 1: Anda membeli komoditi patuh Syariah daripada Bank pada Harga Jualan Bank (Harga Kos ditambah keuntungan pada Kadar Untung setahun). Langkah 2: Anda menjual komoditi patuh Syariah anda melalui Bursa Suq Al Sila pada Harga Kos (Jumlah Pembayaran). Langkah 3: Kos Harga (Jumlah Pembayaran) hendaklah dibayar kepada anda melalui kredit ke dalam akaun anda, dimana salah satu daripadanya mestilah akaun deposit: (a) dibuka dengan, atau (b) akaun sedia ada dengan Bank atau Bank HSBC Malaysia Berhad ("HSBC Bank") menggunakan nama anda sendiri. Jika anda tidak mempunyai akaun tersebut, anda akan membenarkan Bank untuk membuka Akaun Pendahuluan-i HSBC Amanah untuk anda dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Universal Bank yang mentadbirkan akaun tersebut yang boleh didapati di www.hsbcamanah.com.my.

5. PENGAKTIFAN AKAUN (JIKA BERKENAAN)

Jika pihak Bank membuka Akaun HSBC Amanah-i untuk anda, anda mesti mengaktifkan akaun dalam tempoh yang ditetapkan dalam Makluman Kelulusan yang dihantar kepada anda dengan mengunjungi mana-mana cawangan pihak Bank atau HSBC Bank. Tiada perkara bertentangan syarat boleh wujud pada waktu pengaktifan akaun, jika tidak pihak Bank mungkin tidak membenarkan pengaktifan dan bermak untuk membalikkan semua catatan dan menamatkan Kemudahan.

6. JUMLAH YANG ANDA HARUS BAYAR

Anda harus membayar Harga Jualan Bank kepada Bank. Harga Jualan Bank merujuk kepada Harga Kos (Amaun Pembayaran) dengan untung pada KKB setahun (di mana untung pada KKB adalah bersamaan dengan Harga Kos (Amaun Pembayaran) x 20% setahun x Jangka Masa Pembayaran yang disetujui). Bayaran Bulanan anda adalah berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif (KKE) seperti yang dipaparkan dalam Lembaran Pendedahan Produk (di mana keuntungan pada KKE bersamaan dengan Harga Kos x KKE merujuk kepada Bayaran Efektif Bersih Bank). Keuntungan agregat berdasarkan KKE untuk seluruh Jangka Masa Pembayaran akan bersamaan dengan kadar rata (seperti terpapar di perkara 2 di atas) ke atas Amaun Pembayaran. Pihak Bank boleh memberikan anda rebat yang bersamaan dengan beza di antara KKB dan KKE. KKE tidak akan melebihi KKB pada bila-bila masa.

7. BILA DAN BAGAIMANA HARGA JUALAN DIBAYAR

Tertakluk kepada Fasal 11 di bawah, anda hendaklah membayar Harga Jualan Bank (setelah mengambil kira rebat yang akan diberikan) mengikut bilangan dan dalam jumlah bayaran bulanan ("Bayaran") seperti yang dinyatakan dalam Makluman Kelulusan. Pembayaran pertama hendaklah dibuat pada tarikh yang dimaklumkan pada Makluman Kelulusan yang sama dengan mendebitkan bayaran daripada akaun anda pada tarikh tersebut atau tarikh lain yang ditetapkan oleh pihak Bank, sekiranya tidak boleh dilaksanakan pada tarikh tersebut. Makluman Kelulusan hendaklah dibaca sebagai sebahagian daripada Borang ini, tetapi Makluman Kelulusan harus diguna pakai sekiranya terdapat ketidakseragaman. Bayaran bulanan seterusnya akan didebitkan pada atau sebelum hari berkenaan pada setiap bulan seterusnya. Anda dengan ini membuat arahan tetap menurut Fasal 20 di bawah. Namun begitu, anda bersetuju bahawa pihak Bank berhak menerusi notis untuk meminta pembayaran dibuat dengan cara lain daripada yang telah ditetapkan oleh pihak Bank.

8. PERINGATAN PEMBAYARAN MENERUSI SMS

Anda bersetuju bahawa pihak Bank boleh menghantar peringatan pembayaran menerusi Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) ke Nombor Telefon Mudah Alih anda seperti yang dinyatakan dalam Borang ini atau ke Nombor Birmit terbaru anda seperti yang anda berikan kepada pihak Bank. Penerima yang menerima maklumat tersebut (jika bukan anda) hendaklah dianggap oleh pihak Bank sebagai mempunyai kebenaran nyata untuk melihat SMS tersebut.

9. CAJ PEMBAYARAN LEWAT

Jika anda gagal untuk membuat Bayaran atau membayar sebarang jumlah yang perlu dibayar apabila matang, atau membayar Harga Jualan Bank yang belum dijelaskan secara sepenuhnya apabila diminta (di mana Terma ini membenarkan permintaan tersebut), anda hendaklah membayar caj bayaran lewat kepada pihak Bank yang dikira secara harian dengan cara yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Buat masa ini, caj bayaran lewat ialah: • Satu peratus setahun (1% setahun) atas bayaran belum jelas, dikira dari tarikh belum jelas sehingga pembayaran penuh dalam tempoh Kemudahan sehingga tarikh keputusan mahkamah (yang mana lebih awal); atau • kadar setahun yang ditentukan oleh Bank dari masa ke masa dengan syarat kadar tersebut pada bila-bila masa tidak melebihi kadar IIMM sedia ada (kadar IIMM ialah purata wajaran kadar semalam bagi pelaburan Mudarabah antara bank yang disebut harga di pasaran wang antara bank Islam Malaysia) atas Harga Jualan Bank yang belum dijelaskan selepas tamat tempoh Kemudahan ini atau selepas tarikh keputusan mahkamah (yang mana lebih awal); dan caj pembayaran lewat tersebut tidak akan dikompaun. Hak mengenakan caj pembayaran lewat tidak akan menjelaskan hak lain pihak Bank.

10. HAK UNTUK MENGIMBANGI

Pihak Bank mungkin mengimbangi atau menggunakan sebarang baki kredit dalam akaun anda dengan kami terhadap sebarang baki belum jelas Kemudahan. Jika anda mempunyai sebarang akaun dengan HSBC Bank, anda dengan ini membenarkan HSBC Bank untuk mendebitkan akaun anda untuk membayar atau menjelaskan sebarang jumlah belum jelas yang perlu dibayar di bawah Kemudahan ini kepada pihak Bank.

11. KEMUDAHAN TERTAKLUK KEPADA TIADA PERISTIWA KEINGKARAN

Aturan bagi Pembayaran akan dibatalkan dan baki belum jelas Harga Jualan Bank atau sebarang jumlah lain yang dihutang, sama ada sudah matang atau tidak, perlu dibayar atas permintaan sekiranya: (a) anda tidak membayar sebarang jumlah yang dihutang kepada pihak Bank pada tarikh matang di bawah Kemudahan; atau (b) pada pendapat pihak Bank, anda telah memberikan maklumat yang tidak lengkap, mengelirukan atau tidak benar kepada pihak Bank dalam Borang ini atau berkaitan dengan permohonan anda bagi Kemudahan, atau anda menguruskan akaun dengan cara yang kurang memuaskan; atau (c) anda gagal mematuhi atau melaksanakan apa-apa waad atau kewajipan anda di bawah Kemudahan; atau (d) anda meninggal dunia atau menjadi tidak waras; atau (e) anda tidak dapat menjelaskan hutang anda (yang untuk tujuan fasal ini, "hutang" termasuk, tetapi tidak terhad kepada sebarang jumlah yang dihutang di bawah kemudahan pembiayaan yang mematuhi prinsip Syariah, termasuk sewa pajak, pembayaran sewa, dll) atau anda menggantung pembayaran hutang anda, atau membuat sebarang perjanjian atau penyusunan semula dengan pemutang anda; atau (f) anda mengambil tindakan untuk diisyiharkan bankrap atau menerima petisyen yang diserahkan kepada anda untuk kebankrapan; atau (g) anda menghadapi distres atau pelaksanaan yang dikenakan atau dikuatkuasakan terhadap mana-mana harta benda anda, atau seorang pemegang amanah atau pegawai seperti dilantik untuk mentadbir semua atau sebahagian besar daripada aset anda; atau (h) anda tidak membayar sebarang hutang kepada mana-mana pihak (termasuk sebarang wang lain yang dihutang kepada pihak Bank) apabila matang (definisi "hutang" seperti di atas), atau anda mempunyai hutang yang diisyiharkan matang lebih awal atau secara terdahulu dari tarikh matang yang dinyatakan atau sebarang cagaran yang diberikan bagi mana-mana hutang anda telah dikuatkuasakan atas apa jua sebab; atau (i) anda mempunyai jaminan atau cagaran yang diberikan kepada pihak Bank untuk menjamin kemudahan ini yang tamat atau luput atas apa jua sebab, atau jika penjamin atau penyedia cagaran ingkar di bawah terma dokumen jaminan dan cagaran mereka, atau mereka meninggal dunia atau menjadi tidak waras atau mengambil sebarang tindakan kebankrapan atau dibubarkan; atau (j) anda berhenti atau menunjukkan tanda akan berhenti menjalankan pembiayaan atau memindahkan atau melupuskan atau bercadang melupuskan sebahagian besar daripada aset anda; atau (k) anda mendakwa bahawa semua atau sebahagian penting daripada Terma ini tidak lagi berkuat kuasa atau berkesan sepenuhnya; atau (l) anda mengalami sebarang perubahan atau menunjukkan tanda akan mengalami perubahan keadaan atau situasi (kewangan, yang pada pandangan pihak Bank, akan mempengaruhi keupayaan anda secara negatif dan ketara untuk menunaikan kewajipan di bawah Kemudahan ini, atau sebarang perjanjian lain dengan pihak Bank; atau (m) mana-mana akaun semasa anda ditutup oleh mana-mana bank kerana perlukan peraturan yang berkenaan bagi cek tak laku dan dasar akaun bank, walaupun akaun semasa dengan pihak Bank, yang dipegang secara tunggal atau bersama pihak lain, telah dikendalikan dengan sewajarnya; atau (n) sebarang undang-

undang atau peraturan yang berkuat kuasa atau pentafsiran atau pelaksanaan perubahan undang-undang atau peraturan, yang menjadikannya tidak sah bagi pihak Bank untuk mematuhi kewajipannya atau untuk membenarkan Kemudahan ini diteruskan.

12. DUTI SETEM, YURAN PEGUAM DAN KOS LAIN

Semua duti setem dan yuran peguam yang perlu dibayar (dinilai atas dasar 'peguam cara dan pelanggar') atau ditanggung oleh pihak Bank: (a) berhubung dengan atau berkaitan dengan penyediaan Kemudahan; dan/atau (b) dalam pelaksanaan haknya di bawah Kemudahan ini; hendaklah anda bayar dengan jumlah tersebut boleh didebitkan dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu daripada akaun yang ditetapkan atau akaun lain dengan pihak Bank.

13. NASIHAT BEBAS DAN PERNYATAAN LISAN

Apabila memohon Kemudahan ini, anda bertanggungjawab untuk menilai Terma ini. Anda perlu mendapatkan nasihat guaman dan Syariah bebas anda sendiri mengenainya. Anda mengesahkan bahawa anda tidak bergantung kepada apa-apa yang telah dinasihati, dinyatakan atau dijanjikan oleh wakil atau kakitangan pihak Bank yang tidak disebut dengan nyata dalam Terma ini. Walaupun jika terdapat sebarang nasihat, pernyataan atau janji, anda bersetuju bahawa ia tidak mengikat pihak Bank di bawah undang-undang, atau menjadi pembelaan atau sokongan bagi anda dalam sebarang prosiding undang-undang.

14. PENGGUNAAN WANG YANG DITERIMA

Pihak Bank akan menggunakan sebarang wang yang diterima terlebih dahulu untuk Pembayaran, kemudian untuk menjelaskan sebarang jumlah yang tertunggak. Pihak Bank mempunyai budi bicara untuk mengubah keutamaan ini mengikut kesesuaianya. Jika sebarang jumlah yang diterima daripada pembayaran atau diperolehi daripada penguatkuasaan adalah kurang daripada jumlah tertunggak, maka pihak Bank akan menggunakan jumlah tersebut dalam perkadaruan dan aturan keutamaan dan pada amnya dengan cara sedemikian mengikut ketentuannya.

15. PENJELASAN AWAL

Anda boleh membuat penjelasan awal Harga Jualan Bank secara sepenuhnya dan bukan secara sebahagian dengan memberikan notis penjelasan awal secara bertulis sekurang-kurangnya satu (1) bulan terlebih dahulu kepada pihak Bank. Notis penjelasan awal, apabila diberikan, tidak boleh ditarik balik. Anda boleh dianggap sebagai telah ingkar membuat pembayaran yang telah matang jika anda gagal membuat penjelasan, dan pihak Bank boleh melaksanakan haknya di bawah Terma ini dengan sewajarnya. Anda faham bahawa penjelasan awal Harga Jualan Bank (termasuk sebarang penjelasan awal yang timbul daripada permintaan yang dibuat sekiranya berlaku Peristiwa Keingkaran, atau pembayaran yang dibuat di bawah temar Perlindungan Takaful, yang mana berkenaan) tidak akan mengurangkan jumlah yang perlu anda bayar, tetapi pihak Bank akan memberikan anda rebat ('Ibra') atas Harga Jualan Bank untuk penjelasan awal yang dibuat berdasarkan pengiraan pihak Bank. Pihak Bank juga boleh memberikan anda rebat ('Ibra') jika jumlah yang matang dikutip menerusi proses undang-undang dan sebelum tamat tempoh Kemudahan.

16. PERSETUJUAN KEPADA BANK UNTUK MENGUMPULKAN, MEMPROSES, MENDEDAKAHAN MAKLUMAT DAN MENJALANKAN PEMERIKSAAN KREDIT

Anda memberikan persetujuan yang tidak boleh dibatalkan kepada pihak Bank untuk mengumpulkan, memproses, dan mendedakah maklumat berkaitan Kemudahan, akaun anda dan kemudahan lain yang kini dipegang atau seterusnya dibuka atau diperolehi ("Maklumat") dengan cara yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Am Bank, Fasal 10 "Pengumpulan, Pemprosesan dan Perkongsian Maklumat Pelanggan" (yang boleh didapati di laman web bank www.hsbcamanah.com.my atau atas permintaan).

Anda juga memberi persetujuan anda yang tidak boleh dibatalkan (1) kepada pihak Bank untuk menjalankan pemeriksaan kredit dan mendapatkan laporan kredit dan maklumat mengenai anda dari masa ke masa, dari mana-mana agensi pelaporan kredit yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 (seperti yang disenaraikan di laman web Bank di www.hsbcamanah.com.my), dan (2) terhadap pendedahan laporan kredit dan maklumat tersebut kepada pihak Bank, dan (3) bahawa persetujuan diberikan selagi akaun-akaun saya dikenakan dengan Bank.

17. PELAKSANAAN REMEDI YANG ADA OLEH PIHAK BANK

Pihak Bank boleh melaksanakan sebarang hak, kuasa atau remedи yang ada padanya, sama ada dinyatakan di sini atau diberikan di bawah undang-undang, walaupun selepas kelewatan. Semua hak dan kuasa pihak Bank di sisi undang-undang dan kesaksamaan boleh dilaksanakan walaupun bertindih dengan sebarang hak dan kuasa dalam Terma ini. Jika pihak Bank tidak bertindak walaupun berhak untuk berbuat demikian, ini tidak bermakna bahawa pihak Bank: (a) mempersetujui perlanggaran temar yang anda lakukan; atau (b) telah melepaskan haknya; atau (c) tidak boleh bertindak kemudian.

Apabila pihak Bank dengan nyata telah menepikan sebarang keingkaran oleh anda, ini tidak menjasakan hak, kuasa atau remedи Bank berkaitan dengan sebarang keingkaran lain oleh anda, sama ada berlaku sebelum atau selepas penejuan. Anda bersetuju bahawa jika anda memegang sebarang Kad Kredit-i yang dikeluarkan oleh pihak Bank atau HSBC Bank dan anda tidak membuat Pembayaran tepat pada masanya dan/atau Kemudahan tidak dikendalikan mengikut cara yang memuaskan pihak Bank, pihak Bank dan juga HSBC Bank berhak untuk melaksanakan haknya di bawah Perjanjian Pemegang Kad masing-masing untuk mengurangkan had kredit bagi Kad Kredit-i dan atau menghalang atau menyekat penggunaan Kad Kredit-i.

18. PERLINDUNGAN TAKAFUL

Jika anda memilih agar pihak Bank mengatur Perlindungan Takaful, anda memperakui bahawa temar penting perlindungan telah dimaklumkan kepada anda. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada, keadaan di mana Pengendali Takaful tidak akan membuat bayaran di bawah syarat perlindungan dan di mana perlindungan tidak dapat menjelaskan sepenuhnya tanggungan anda di bawah Kemudahan ini.

19. CARA MENGENDALIKAN TERMA YANG TIDAK SAH

Jika mana-mana Temar ini dilarang atau tidak dapat dikuatkuasakan di bawah undang-undang atau didapati bertentangan dengan prinsip Syariah, temar selainnya hendaklah dianggap sah, atau terus menjadi sah dalam mana-mana bidang kuasa lain di mana undang-undang atau pentafsiran Syariah menyatakan bahawa ia sah.

20. ARAHAN TETAP PEMBAYARAN

Anda dengan ini menyediakan satu Perintah Pembayaran Arahan Tetap dengan Bank ke atas akaun simpanan/ semasa anda menurut jumlah, dan bilangan Pembayaran pada tarikh pembayaran dari masa ke masa. Perintah ini tertakluk kepada temar yang dikenakan oleh Bank untuk penerimaan Perintah Arahan Tetap termasuk: • Anda perlu memastikan terdapat dana yang mencukupi pada setiap masa di dalam akaun anda untuk menjelaskan pembayaran yang perlu dibayar dan anda bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mengenakan caj bagi apa-apa pembayaran yang gagal di bawah Perintah ini jika terdapat dana yang tidak mencukupi. • Anda mengakui bahawa walaupun Bank akan berusaha membuat pembayaran di bawah Perintah ini, anda bersetuju bahawa ia tidak bertanggungjawab untuk membuatnya; dan jika ia mengabaikan atau enggan membuat pembayaran tersebut, pihak Bank tidak menanggung liabiliti bagi pengabaian atau keengganan tersebut. • Perintah ini tertakluk kepada apa-apa pengaturan yang wujud atau yang kemudiannya akan wujud antara anda dan pihak bank yang memberi kesan kepada akaun anda, atau mana-mana kemudahan perbankan yang diberikan kepada anda. • Pihak bank menentukan secara muktamad keutamaan sebarang pembayaran wang daripada akaun Pelanggan, contohnya sama ada Perintah, apa-apa perintah atau arahan, atau apa-apa cek yang dikeluarkan dari akaun beliau, hendaklah dibayar sebelum yang lain. • Anda bersetuju Perintah akan kekal berkesan walaupun berlaku kematian atau kebankrutan anda sehingga notis mengenainya secara bertulis diterima oleh pihak Bank.

Jika anda ingin mengaktifkan pembayaran secara arahan tetap (Standing Instruction) melalui akaun simpanan/ semasa Bank HSBC anda dan bersetuju untuk memberi kuasa mutlak kepada Bank HSBC untuk melaksanakan apa-apa Perintah Pembayaran Arahan Tetap menurut jumlah, bilangan pembayaran yang perlu dibayar kepada pihak Bank di bawah Perbiayaan tersebut pada tarikh pembayaran dari semasa ke semasa.

21. NOTIS OLEH PIHAK BANK KEPADA ANDA

Pihak Bank boleh memberikan anda notis atau permintaan atau persuratan lain secara bertulis dengan: • menyerahnya secara peribadi; • menghantarnya melalui pos biasa ke mana-mana alamat yang diberikan dalam Borang ini atau sebarang alamat lain yang anda maklumkan kepada pihak Bank secara bertulis.

Anda dianggap telah menerima sebarang notis atau persuratan lain daripada Bank, jika: • dihantar secara peribadi, apabila ia dihantar; • dihantar menerusi pos (yang dalam Fasal ini tidak bermakna pos Daftar AR), pada hari ketiga selepas diposkan, walaupun jika pihak berkusa pos kemudian mengembalikannya.

Permintaan atau sebarang proses mahkamah (termasuk saman) boleh dihantar kepada anda melalui pos berdaftar dan jika dihantar melalui pos daftar ke mana-mana alamat anda yang diberikan dalam Borang ini atau ke alamat terakhir yang diketahui oleh pihak Bank, hendaklah dianggap telah diberikan pada hari ketiga selepas diposkan walaupun pihak berkusa pos seterusnya mengembalikannya. Anda bersetuju bahawa anda perlu memaklumkan pihak Bank secara bertulis tentang sebarang perubahan alamat.

22. BUKTI JUMLAH DIHUTANG

Anda bersetuju bahawa: • sebarang pengakuan atau pengesahan secara bertulis oleh anda atau mana-mana pihak yang diberi kuasa bagi pihak anda; atau • keputusan mahkamah (termasuk keputusan penghakiman ingkar) yang diperolehi terhadap anda; atau • sijil yang menunjukkan hutang anda yang ditandatangani oleh pegawai pihak Bank, hendaklah mengikat dan menjadi bukti muktamad bahawa anda berhutang dengan pihak Bank di bawah Kemudahan ini di mahkamah undang-undang.

23. UNDANG-UNDANG BERKUAT KUASA, BIDANG KUASA DAN MASA

Kemudahan ini ditadbir di bawah undang-undang Malaysia. Anda menerima bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah Malaysia. Bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa pihak Bank tidak boleh mengambil tindakan terhadap anda dalam bidang kuasa lain. Jika masa ditetapkan bagi anda menunaikan mana-mana kewajipan anda, maka masa menjadi atas perjanjian.

24. PENYERAHAN HAK ATAU PEMINDAHAN

Anda tidak boleh menyerahkan hak atau memindahkan mana-mana hak dan tanggungan anda tanpa kebenaran pihak Bank. Pihak Bank boleh menyerahkan hak atau memindahkan sebarang hak kepada mana-mana pihak dan hanya perlu memberikan notis bertulis, atau membuat perjanjian yang lebih formal (yang anda setuju untuk laksanakan jika diminta oleh pihak Bank). Jika ini berlaku, Terma Kemudahan akan berkuat kuasa ke atas pihak tersebut seolah-olah pihak tersebut adalah pihak Bank dari tarikh kuat kuasa yang dinyatakan dalam notis atau perjanjian dan pihak Bank selepas itu hendaklah dilepaskan daripada hak, manfaat dan/atau kewajipan di bawah Kemudahan ini.

25. TERMA DAN SYARAT AM ("GTC") BERKUAT KUASA

Kemudahan ini juga tertakluk kepada Terma dan Syarat Am pihak Bank, Fasal 8 "Kegiatan Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan", Fasal 10 "Pengumpulan, Pemprosesan dan Perkongsian Maklumat Pelanggan", Fasal 14 "Pematuhan Cukai", Fasal 33 "Konflik & Aturan Keutamaan" dan Fasal 42 "Definisi" yang boleh dipinda dari masa ke masa menurut Fasal 7 "Pindaan kepada Terma dan Syarat" (boleh didapati di laman web bank di www.hsbcamanah.com.my atau atas permintaan).